



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mail: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02371

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

13 Mac 2025

MAJLIS PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK ERATKAN HUBUNGAN STAF KUMPULAN YAYASAN SABAH

KOTA KINABALU (Khamis) : Majlis Pengagihan Bubur Lambuk bersama Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar bin Khan Bahadar telah diadakan pada 13 Mac 2025 di ruang legar Auditorium Tun Ahmad Raffae, Menara Tun Mustapha.

Majlis ini diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan sesama staf Kumpulan Yayasan Sabah, ujar Dato' Sri Haji Gulamhaidar.

Majlis ini dianjurkan oleh Badan Kebajikan Islam Kumpulan Yayasan Sabah (BAKIYS) sempena bulan Ramadan untuk menyemai semangat keharmonian dan perpaduan dalam kalangan staf.

“Melalui pengagihan bubur lambuk, staf daripada pelbagai latar belakang agama dan bangsa boleh menikmati keenakan bubur lambuk yang merupakan salah satu hidangan kegemaran bila tibanya Ramadan”, ujar Dato' Sri Haji Gulamhaidar.



Gambar 1: Dato' Sri Haji Gulamhaidar (lima dari kanan) mengagihkan bubur lambuk kepada staf Kumpulan Yayasan Sabah. Turut serta Pengurus-Pengurus Kumpulan dan Pengerusi BAKIYS, Encik Mohd Salim Japaran (lapan dari kanan).

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi : Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com